

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 21 Mei 2021



KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
APRIL 2021

**Inflasi Malaysia meningkat lebih tinggi kepada 4.7 peratus pada
April 2021, tertinggi sejak 2018**

PUTRAJAYA, 21 Mei 2021 – Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan berkaitan Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan April 2021. Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan, "Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan peningkatan 4.7 peratus pada bulan April 2021 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Ini merupakan inflasi tertinggi sejak 2018. Trend ini dijangka akan berterusan sehingga suku tahun pertama 2022. Peningkatan IHP keseluruhan ini adalah didorong oleh kenaikan indeks Pengangkutan (27.0%) yang disebabkan oleh kesan asas rendah pada tahun sebelumnya. Seperti yang sedia maklum, purata harga Petrol Tanpa Plumbum RON95 menunjukkan peningkatan pada April 2021 iaitu RM2.05 per liter berbanding RM1.27 pada April 2020, Petrol Tanpa Plumbum RON97 meningkat kepada RM2.55 per liter berbanding RM1.57 dan Diesel meningkat kepada RM2.15 per liter daripada RM1.49".

Jelas beliau lagi "Indeks Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat 3.1 peratus pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh penamatan diskaun elektrik yang diberikan kepada pengguna domestik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bermula pada April 2020 dan berakhir pada Disember 2020. Tambahan

pula, Indeks Makanan & Minuman Bukan Alkohol meningkat 1.9 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh kekurangan bekalan, permintaan yang lebih tinggi dan ketidaktentuan cuaca”.

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menyatakan, “Walaupun indeks keseluruhan meningkat tetapi Indeks teras meliputi barangan tidak termasuk item makanan segar dengan harga paling tidak menentu serta barangan dan perkhidmatan harga dikawal meningkat 0.7 peratus pada April 2021 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. IHP tanpa bahan api meningkat 1.7 peratus pada April 2021 kepada 113.8 berbanding 111.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. IHP tanpa bahan api adalah meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel. Sementara itu, bagi perbandingan bulanan IHP turut meningkat 0.2 peratus berbanding Mac 2021”.

Jelas beliau lagi, “Daripada 552 item yang diliputi di dalam IHP, 366 item menunjukkan peningkatan pada April 2021. Sebaliknya, 116 item mencatatkan penurunan manakala 70 item tidak berubah. Berdasarkan prestasi 552 item mengikut kategori barangan dan perkhidmatan, Barang Tidak Tahan Lama (296 item) adalah kategori paling banyak mengalami kenaikan harga iaitu 230 item, 49 item menurun dan 17 item tidak berubah berbanding kategori Perkhidmatan, Barang Semi Tahan Lama dan Barang Tahan Lama”.

Enam negeri iaitu Terengganu (6.3%), Kelantan (5.7%), Pahang (5.6%), Kedah & Perlis (5.1%), Negeri Sembilan (5.0%) dan Johor (4.9%) menunjukkan peningkatan melepasi paras IHP nasional 4.7 peratus pada April 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Kesemua negeri mencatatkan peningkatan bagi indeks kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Pahang iaitu pada 3.0 peratus. Ini diikuti oleh Terengganu (2.8%), Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.6%), Kelantan (2.6%) dan Johor (2.1%).

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di **www.mycensus.gov.my** atau media sosial **@MyCensus2020** untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
21 MEI 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, May 21st, 2021



**MEDIA STATEMENT
FOR CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
APRIL 2021**

***Malaysia inflation accelerated further to 4.7 per cent in April 2021,
highest since 2018***

PUTRAJAYA, 21 May 2021 – Department of Statistics, Malaysia has released the report on Consumer Price Index (CPI) for April 2021. Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, "Consumer Price Index (CPI) rose 4.7 per cent in April 2021 as against in the same month of the preceding year. This is the highest inflation since 2018. The trend is expected to continue until the first quarter of 2022. The increase in the overall index was driven by the increase in index of Transport (27.0%) due to the low base effect from the preceding year. As we know, the average price of Unleaded Petrol RON95 in April 2021 increased 61.4 per cent to RM2.05 per litre as compared to RM1.27, Unleaded Petrol RON97 increased 62.4 per cent to RM2.55 per litre as compared to RM1.57 and Diesel increased 44.3 per cent to RM2.15 per litre from RM1.49.

He added that "Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels inclined 3.1 per cent as compared to the same month of the preceding year. This is due to the termination of the electricity discount given to domestic consumers of Tenaga Nasional Berhad (TNB) under the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN) beginning from April 2020 and has ended in December 2020. Furthermore, Index of Food & Non-Alcoholic Beverages increased 1.9 per cent as compared to the same month of the previous year. This is due to shortage in supply, higher demand and uncertainty in weather.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, "Even though the overall index increased but core index which excludes most volatile items of fresh food as well as administered prices of goods and services rose 0.7 per cent in April 2021 as compared to the same month of the previous year. The CPI without fuel increased 1.7 per cent in April 2021 to 113.8 as compared to 111.9 in the same month of the preceding year. CPI without fuel covers all goods and services except Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel. Meanwhile, on a monthly basis, CPI increased by 0.2 per cent as compared to March 2021".

He added that "Out of 552 items covered in CPI, 366 items showed an increase in April 2021. On the contrary, 116 items declined, while 70 items were unchanged. Based on the performance of 552 items by category of goods and services, Non-Durable Goods (296 items) is a category that experienced the most price increased with 230 items, 49 items decreased and 17 items were unchanged as compared to Services, Semi-Durable Goods and Durable Goods".

Six states namely Terengganu (6.3%), Kelantan (5.7%), Pahang (5.6%), Kedah & Perlis (5.1%), Negeri Sembilan (5.0%) dan Johor (4.9%) surpassed the national CPI rate of 4.7 per cent in April 2021 as compared to the same month of the previous year. All states registered an increase in the index of Food & Non-Alcoholic Beverages. The highest increase was recorded by Pahang at 2.2 per cent. This was followed by Terengganu (2.8%), Selangor & Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.6%), Kelantan (2.6%) dan Johor (2.1%).

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
21 MAY 2021**